

RINGKASAN EKSEKUTIF

I. Pengenalan Cadangan Projek

Kajian EIA ini dijalankan untuk cadangan **Pembangunan Bercampur di atas Lot 1913, Ladang Bangi, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan**. Projek ini akan dijalankan di atas kawasan seluas **342.49 ekar (138.6 hektar)** dan akan dimajukan oleh Seriemas Development Sdn. Berhad. Lokality tapak Projek ini adalah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang.

Tapak Projek ini terletak di dalam daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Bandar atau pekan yang berdekatan dengan tapak projek ialah Pekan Bangi, Semenyih, Alam Sari, Bandar Bukit Mahkota, Bandar Seri Putra serta institusi pendidikan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan *German Malaysia Institute* (GMI). Dari segi geografi, tapak Projek berada pada longitud 101°48'2.18"T ke 101°48'44.62"T dan latitud 2°54'52.11"U ke 2°54'12.01"U.

Lokasi Tapak Projek adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Gambarajah A**. Dari segi aksesibiliti, jalan utama ke Tapak Projek adalah dari Jalan Bangi Lama (Jalan Negeri B18) yang terletak di sepanjang selatan Tapak Projek. Jalan Bangi Lama bersambung dengan Lebuhraya Utara- Selatan dari Tol Bukit Mahkota iaitu lebuhraya utama yang menghubungkan tapak Projek dengan Kuala Lumpur. Selain daripada itu, Jalan Bangi Lama juga bersambung dengan Lebuhraya LEKAS dari Tol Semenyih.


Pada masa ini, tapak projek ini beralun dan dilitupi dengan pokok kelapa sawit dan pokok renek. Di dapati pokok-pokok kelapa sawit di tapak Projek adalah terdiri dari pokok-pokok matang yang masih lagi produktif. Terdapat jalan tanah di dalam tapak projek yang digunakan untuk aktiviti menanam pokok kelapa sawit. Keadaan sediaada di Tapak adalah seperti yang ditunjukkan di **Gambarajah B**. Tapak Projek yang dicadangkan dikelilingi dengan tumbuhan sekunder, institusi dan kediaman. Gunatanah bersebelahan Tapak Projek adalah seperti dibawah:

- Di sempadan utara – Ladang Pokok Kelapa Sawit dan pembangunan Serene Heights (dalam pembinaan)
- Di sempadan timur laut – Kg. Batu Tiga Jalan Bangi
- Di sempadan selatan – Jalan Bangi Lama dan Kg. Batu Lima
- Di sempadan tenggara – Kg. Rinching Hilir
- Di sempadan timur – Sg. Semenyih dan Kg. Batu Empat
- Di sempadan barat – Kawasan yang baru dilapangkan dan landasan keretapi
- Di sempadan barat daya – Pembangunan Bangi Avenue (dalam pembinaan)


Cadangan Projek ini adalah pembangunan perumahan melebihi 50 hektar serta pembangunan perumahan yang tertakluk kepada perkara 7 dan 9e (Pembangunan Infrastruktur – pembinaan bandar baru) Akta Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Kajian Penilaian Kesan Ke Atas Alam Sekeliling) Perintah 1987; di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berdasarkan pada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020 (Pengubahan 2), Projek yang dicadangkan adalah terletak dalam Blok Perancangan Semenyih dibawah Blok Perancangan Kecil (BPK) 3.10 – Alam Sari yang mana telah ditetapkan untuk pembangunan perumahan selari dengan cadangan pembangunan.

Gambarajah A: Lokasi Tapak Projek



Gambarajah B: Keadaan Semasa Tapak Projek



Pihak yang terlibat dalam pembangunan ini:-

i. Pemaju:

SERIEMAS DEVELOPMENT SDN. BERHAD. (122570-H)

No. 1, Persiaran Impian Perdana,
Saujana Impian, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
Tel.: 603-8739 9339; Fax.: 603-8739 3922

U/p : En. Rozman Musa

(Pengarah)

ii. Perunding EIA

EUROPASIA ENGINEERING SERVICES SDN. BHD. (239233-K)

No. 63A-2 & 65-2, Petaling Utama Avenue,
Jalan PJS1/50, Taman Petaling Utama,
46150 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel. : 03-7783 3639/40; Fax. : 03-7784 3200

U/p. : Ms. Geetha P. Kumaran (C0020)

(Ketua Kajian EIA)

iii. Jurutera Awam dan Struktur

KEMASEPAKAT SDN. BHD. (103997-P)

601-603, Block A, Glomac Business Centre,
No. 10, Jalan SS6/1, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.
Tel.: 603-7804 5282; Fax.: 603-7804 6284

U/p.: Ir. Aw Kha Ching

iv. Perunding Perancang dan Pembangunan

URBAN SCALE SDN. BHD

Tingkat 2, Blok A, Paremba Square,
Saujana Resorts, Seksyen U2,
40150 Shah Alam, Selangor.
Tel.: 03-7622 9910; Fax: 03- 7622 8001

U/p.: Mohammad Fahmi Bin Alias

(Perancang Bandar)

v. Juru Ukur

JURUKUR ESA SDN. BHD. (101485-D)

12, Jalan 3/27F, Off Jalan Genting Kelang, Setapak,

53300 Kuala Lumpur.

Tel.: 03-4143 1333; Fax.: 03-4143 6133

U/p.: Sr. Zainal Abidin

vi. Makmal Akreditasi

Spectrum Laboratories Sdn. Bhd. (SAMM No.: 062)

Lot 14 Jalan Pendamar 27/90,

Seksyen 27 40000 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

Tel.: 03-5192 8188 Fax: 03-5191 8188

U/p.: Mr. Casey Kan

II. Alam Persekitaran Sediada

Persekitaran Fizikal

a. Topografi

- Berdasarkan pada pelan ukur, cadangan Tapak Projek ini mempunyai permukaan yang agak beralun dengan paras purata adalah di antara kira-kira RL 30m hingga RL 100 meter di atas paras laut.
- Puncak tertinggi (kira-kira RL 116.53m) berada di puncak bukit di bahagian tengah Tapak Projek manakala kawasan terendah (kira-kira RL 21.16m) berada di kawasan lembah anak sungai Sg. Semenyih yang mana terletak di bahagian tenggara Tapak Projek.

b. Saliran

- Tapak Projek berada di dalam kawasan tadahan Sg. Semenyih.
- Empat (4) aliran bermusim berasal dari Tapak Projek mengalir ke arah tenggara ke dalam anak sungai Sg. Semenyih di sempadan timur tapak projek. Dua (2) anak sungai Sg. Semenyih yang juga berasal dari tapak projek mengalir ke selatan dan barat tapak projek. Sg. Semenyih mengalir ke arah barat ke Sg. Langat di Kg. Bukit piatu dan akhirnya ke Selat Melaka.
- Kesemuanya terdapat lapan (8) takat pengambilan air di dalam kawasan tadahan air Sg. Langat dan diantaranya takat pengambilan air bagi Skim Bekalan Air Sg. Semenyih dan Loji Rawatan Air Bukit Tampoi adalah terletak kira-kira 9km dan 21km di hilir Tapak Projek masing-masing.

c. Aspek Geologi dan Tanah

- Bahagian timur Tapak Projek adalah terdiri daripada batuan metasedimen jenis batuan skis yang dikenali sebagai Formasi Skis Jelevu sementara bahagian barat Tapak Projek adalah terletak dalam Formasi Kenny Hill.
- MAX Engineering Consultant telah dilantik oleh Seriemas Development Sdn. Bhd. untuk menjalankan Pemetaan Terrain Geologi bagi cadangan Tapak Projek. Laporan Pemetaan Terrain Geologi (GTMR) telah dikemukakan kepada Jabatan Mineral dan Geosains Selangor/Wilayah Persekutuan (JMGS/WP) dan telah memperolehi kelulusan pada 6hb April 2015 dengan No. Rujukan : - JMG. SWP(GS)001/12/3 Jld.7(8)9.
- Ringkasan pengkelasan kesesuaian pembinaan bagi tapak cadangan pembangunan adalah dipaparkan dalam **Jadual A**.

Jadual A: Ringkasan Klasifikasi Pelan Kesesuaian Pembinaan

Kelas Kesesuaian Pembangunan	Penerangan	Kawasan		
		Ekar (ac)	Ekar (ac)	Ekar (ac)
I	Had geoteknikal rendah	174.06	70.44	50.82
II	Had geoteknikal sederhana	133.16	53.89	38.88
III	Had geoteknikal tinggi	35.17	14.23	10.27
IV	Had geoteknikal yang melampau	0.00	0.00	0.00
Potongan Cerun	Cerun buatan manusia	0.10	0.04	0.03
Badan Air	Sungai dan kolam	0.00	0.00	0.00
Jumlah		342.49	138.60	100.00

Sumber : MAX Engineering Consultant (March, 2015)

- Berdasarkan kepada kajian penyiasatan tanah (S.I.) yang dijalankan oleh Sealand Drillers (M) Sdn Bhd di bawah pengawasan perunding kejuruteraan, Kemasepakat Sdn. Bhd., sejumlah enam (6) lubang gerudi dalam, yang berlabel BH3 hingga BH8 telah digerudi di dalam cadangan Tapak Projek.
- Daripada keputusan kajian penyiasatan tanah, kawasan Tapak Projek adalah terdiri daripada KELODAK berlumpur yang padat hingga keras dan bercampur dengan sedikit pasir dan batu kelikir
- Menurut Peta Tanah (Pindaan 2002) yang diterbitkan oleh Kementerian Pertanian Malaysia, Tapak Projek adalah terletak di atas tanah asal bernama Assosiasi Munchong-Seremban.
- Dengan merujuk kepada Peta Hidrogeologi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2008) yang diterbitkan oleh Jabatan Mineral and Geosains (JMG) Malaysia, Tapak Projek adalah terletak dalam kawasan rejim akuifer yang berkeupayaan tinggi di rantau ini.
- Berdasarkan kepada Peta Hidrogeologi, telaga tuib yang paling dekat adalah terletak di Kawasan Perindustrian Bangi, kira-kira 5km ke arah barat daripada cadangan Tapak Projek dan boleh dikaitkan dengan jumlah isipadu air bawah tanah.

d. Gunatanah

- Komponen gunatanah yang yang klasifikasikan dibawah penempatan dan kawasan bukan pertanian adalah terdiri daripada bandar dan kawasan yang berkaitan dengannya, kawasan rekreasi, tanah perkuburan, kereta api, talian kuasa, kuari & bekas kuari dengan kawasan seluas 13,955.47 ekar (53.8% daripada kawasan impak).
- Kawasan Tanah pertanian adalah gunatanah utama yang kedua dengan kawasan seluas 9,533.42 ekar (36.7% daripada kawasan impak). Tanaman utama yang ditanam di sekitar tapak projek adalah kelapa sawit dan getah yang meliputi kira-kira 6,489.31 ekar (24.9%) dan 2,040.15 ekar (7.9%) daripada kawasan impak.
- Tanah hutan iaitu kawasan rumput meliputi kira-kira 332,08 ekar (1.3%) daripada keseluruhan kawasan impak manakala pokok renek merangkumi 491,16 ekar (1.9% daripada keseluruhan kawasan impak). Hutan sekunder meliputi kawasan seluas 89,71 ekar (0.3% daripada keseluruhan kawasan impak) dan hutan meliputi kawasan seluas 448,26 ekar (1.7% daripada keseluruhan kawasan impak).
- Guna tanah lain yang boleh didapati adalah tanah yang baru dilapangkan (3.1%), sungai (iaitu Sg. Semenyih, Sg. Beranang dan Sg. Langat) meliputi 0.9% daripada jumlah kawasan impak manakala tasik / kolam meliputi kira-kira 0.3% daripada kawasan impak.
- Penerima terhampir bagi cadangan Projek ini ialah :
 - Kg. Batu Lima, Kg. Batu Empat dan Kg. Batu Tiga Jalan Bangi yang terletak kira-kira 10m dan 30m dari rumah sedia ada yang terdekat dengan sempadan tapak projek.

Gambarah yang menunjukkan jarak penerima terhampir sediaada adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Gambarajah C.**

Gambarajah C: Jarak Penerima Terhampir dengan Tapak Projek



e. Kualiti Air

- Sesi pensampelan dasar air dijalankan pada 12hb Februari 2015 di Sembilan (9) takat persampelan yang mewakili dua sesi iaitu pagi dan petang. Persempelan dan analisis dilaksanakan oleh makmal akreditasi DSM i.e., Spectrum Laboratories Sdn.Bhd.
- Kualiti air yang diambil diringkaskan dalam Indeks Kualiti Air (WQI) seperti yang dijadualkan dalam Jadual A. Berdasarkan pada indeks WQI, menunjukkan kesemua sampel termasuk dalam Kelas I, II dan III Piawaian Kualiti Air Negara. Secara dasarnya, kualiti air adalah bersih dan boleh diterima untuk rekreasi.

Jadual A: Keputusan Penilaian Indeks Kualiti Air.

Lokasi Persempelan	Lokasi	Penerangan	WQI	
			Pagi	Petang
W 1	02°54'43.3"U, 101°48'50.6"T	Aliran bermusim mengalir dari bahagian timur laut tapak Projek.	77 (Kelas II)	84 (Kelas II)
W 2	02°54'22.5"U, 101°48'28.3"T	Aliran bermusim mengalir dari bahagian selatan tapakProjek	91 (Kelas II)	84 (Kelas II)
W 3	02°34'17.5"U, 101°48'11.3"T	Mewakili anak sungai Sg. Semenyih dari bahagian selatan tapak projek	94 (Kelas I)	93 (Kelas I)
W 4	02°54'45.6"U, 101°48'23.5"T	Anak sungai Sg. Semenyih.	85 (Kelas I)	85 (Kelas I)
W 5	02°54'42.9"U, 101°48'02.9"T	Mewakili anak sungai Sg. Semenyih dari bahagian barat laut tapak Projek.	93 (Kelas I)	94 (Kelas I)
W 6	02°54'53.3"U, 101°49'16.9"T	Hulu Sg. Semenyih.	80 (Kelas II)	76 (Kelas III)
W 7	02°53'47.1"U, 101°47'54.3"T	Sg. Semenyih	82 (Kelas II)	75 (Kelas III)
W 8	02°53'44.9"U, 101°46'32.9"T	Sg. Semenyih, Selepas pertemuan anak sungai Sg. Semenyih dan Sg. Semenyih.	78 (Kelas II)	73 (Kelas III)
W 9	02°53'32.0"U, 101°44'59.4"T	Hilir Sg. Semenyih.	79 (Kelas II)	77 (Kelas II)

Sumber: Europasia Engineering Services Sdn. Bhd., 2015

Klasifikasi berdasarkan pada "National Water Quality Standards (NWQS) for Malaysia".

f. Kualiti Udara

- Penilaian kualiti udara dijalankan dari 25hb hingga 27hb Februari 2015 di tiga (3) kawasan persampelan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual B.
- Kualiti udara di tapak Projek dan kawasan persekitaran dianggap sebagai memuaskan memandangkan keenam-enam parameter terletak dalam julat yang dibenarkan oleh Garis Panduan Kualiti Udara Malaysia.

Jadual B: Penerangan Stesen Pensampelan Pemantauan Udara

Lokasi Pensampelan	Lokasi	Penerangan
Point A1	02° 54' 56.4" N, 101° 48' 56.2" E	Terletak di Kg. batu Tiga Jalan Bangi. <i>Penyumbang sekeliling:</i> <ul style="list-style-type: none">• Laluan kenderaan disepanjang Jalan Bangi Lama.• Aktiviti manusia.
Point A2	02° 54' 59.5" N, 101° 48' 06.7" E	Terletak di Kg. Batu Lima <i>Penyumbang sekeliling:</i> <ul style="list-style-type: none">• Laluan kenderaan disepanjang Jalan Bangi Lama.• Aktiviti manusia.
Point A3	02° 54' 25.4" N, 101° 47' 38.6" E	Terletak di bahagian barat sempadan tapak Projek <i>Penyumbang sekeliling:</i> <ul style="list-style-type: none">• Aktiviti manusia.• Pergerakan keretapi di bahagian barat tapak projek. (~500m dari sempadan barat tapak Projek)

Sumber: Europasia Engineering Services Sdn. Bhd, 2015

g. Aras Bunyi

- Tahap bunyi bising di kawasan persampelan N1, N2 dan N3 (lokasi yang sama dengan pengawasan kualiti udara) dijalankan dari 7:00 pagi hingga 10:00 petang bagi sesi waktu siang dan pada pukul 10:00 petang hingga 7:00 pagi bagi sesi waktu malam.
- Keputusan analisis menunjukkan paras bunyi N1 N2 dan N3 adalah melebihi daripada paras yang dibenarkan pada waktu siang.
- Ini mungkin disebabkan oleh aktiviti-aktiviti manusia di Kg. Batu Tiga Jalan Bangi (N1) dan Kg. Batu Lima (N2), pergerakan kenderaan (N1 dan N2) dan pergerakan keretapi (N3).

Persekitaran Biologi

- Tumbuhan utama di kawasan ini adalah kelapa sawit (*Elaeis guineensis*) yang meliputi hampir keseluruhan kawasan Tapak Projek. Pokok kelapa sawit yang di dapati di Tapak Projek adalah terdiri dari pokok muda ke pokok matang yang berusia di antara 2-25 tahun.
- Semak tebal didominasi oleh tumbuhan tutup bumi, rumput, pokok renek dan paku-pakis yang dipercayai spesies yang dominan di kawasan tertentu. Vegetasi sekunder juga mendominasi kawasan tapak Projek.

- Pelbagai perintis pokok berkayu didapati di kawasan ini seperti *Gmelina arborea* (Malay beechwood), *Albizia falcata*, *Macaranga sp.* (Mahang), *Mallotus sp.*, *Acacia sp.*, sebagainya di kawasan terbuka dan kawasan rendah Tapak Projek.
- Sesetengah pokok buah seperti *Musa sp.* (Pisang), *Carica papaya* (betik) and *Manihot esculenta* (Cassava) juga ditanam di bahagian selatan sempadan tapak Projek iaitu berdekatan dengan kampung terdekat.
- Spesis-spesis ini adalah spesis yang biasa dijumpai dan tiada nilai pemuliharaan.
- Aktiviti perladangan dan antropogenik di dalam tapak Projek serta di kawasan perumahan berdekatan telah memberi kesan pada spesis fauna dari segi komposisi yang mana tidak sesuai untuk habitat hidupan liar.
- Pembersihan tumbuhan yang pernah dijalankan dahulu telah memberi kesan pada spesis fauna dari segi komposisi dan kepadatan populasi.

Persekitaran Sosio-ekonomi

- Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, jumlah penduduk di Mukim Semenyih adalah 99.669 orang.
- Melayu membentuk sebahagian besar penduduk dengan jumlah 42,070 orang, diikuti dengan Cina dan India masing-masing seramai 31,160 dan 17,788 orang.
- Bumiputera membentuk seramai 744 orang, manakala kategori Malaysia yang lain adalah seramai 729 orang. Selebihnya 7,178 orang adalah bukan rakyat Malaysia dan di dapati menetap di Mukim Semenyih. Tapak Projek terdiri daripada kelapa sawit dengan semak samun. Aktiviti yang menjana ekonomi dalam tapak Projek ini pada dasarnya adalah ke arah sektor pertanian iaitu perladangan kelapa sawit.
- Dari segi penempatan manusia, diperhatikan bahawa tidak ada penempatan seperti kediaman, kampung dan lain-lain, di tapak yang dicadangkan kerana tanah adalah hak milik swasta.
- Pada dasarnya persekitaran terdekat dari sempadan tapak projek adalah terdiri daripada penempatan manusia. Di bahagian timur laut dan selatan tapak Projek terdapat dua (2) penempatan manusia utama iaitu Kg. Batu Tiga Jalan Bangi dan Kg. Batu Lima Bangi; manakala di bahagian utara dan barat daya sempadan Projek adalah pembangunan baru iaitu pembangunan Serene Heights dan Bangi Avenue yang masih dalam pembinaan.
- Berdasarkan pada penerimaan terhadap Projek ini, penduduk menerima pembangunan Projek ini memandangkan hasil positif yang mungkin boleh diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dicadangkan. Namun begitu, penduduk sebulat suara menyatakan kebimbangan mereka akan kesan negatif yang mungkin terjadi daripada aktiviti pembangunan ini terutama berlakunya banjir kilat dan peningkatan pergerakan trafik semasa pembinaan dan operasi.

III. Konsep Cadangan Pembangunan

- Cadangan pembangunan akan dibahagikan kepada lapan (8) fasa iaitu, Fasa 1 - Fasa 8. Secara umumnya, projek yang dicadangkan ini akan dibangunkan hanya kira-kira 91% daripada jumlah kawasan dengan bangunan dan infrastruktur manakala selebihnya 9% akan kekal sebagai kawasan lapang dan penampungan.
- Komponen kediaman membentuk 51.73% daripada jumlah keseluruhan, iaitu kira-kira 177.15 ekar daripada jumlah kawasan pembangunan untuk jumlah unit sebanyak 7015. Dalam pembangunan ini, terdapat empat (4) jenis rumah yang dicadangkan untuk dibina di Tapak Projek iaitu rumah teres, rumah teres Superlink, perumahan strata serta Rumah Selangorku Jenis A dan D
- Sektor Komersil, yang merangkumi 7.15% (iaitu 24.50 ekar) daripada jumlah pembangunan, akan terdiri dengan plot komersil. Terdapat tiga (3) plot komersil yang dicadangkan dalam ini iaitu pembangunan, Plot Komersil 1, 2 dan 3.
- Kemudahan awam yang akan disediakan di dalam pembangunan ini ialah sekolah rendah, kompleks sekolah, balai polis, masjid, klinik dan pusat komuniti.
- Sementara itu, infrastruktur dan kemudahan awam yang dicadangkan dalam pembangunan ini ialah kolam tahanan, rizab parit, pencawang TNB, loji rawatan kumbahan, rizab jalan, tangki air dan rumah pam.
- Kolam takungan yang meliputi sebanyak 18.03 ekar tanah (5.26%) juga akan dinaik taraf menjadi kawasan rekreasi dan landskap.
- Jalan-jalan berturap menduduki kira-kira 38,22 ekar tanah yang juga termasuk kawasan tempat letak kereta.
- Selain daripada unit yang dibina, terdapat juga peruntukan bagi kawasan lapang, zon penampungan dan rekreasi, dengan jumlah kawasan seluas 30.20 ekar (iaitu 8.82% daripada tapak projek) yang dirancang untuk pertumbuhan holistik pembangunan yang dicadangkan.
- Keperluan kuantitatif kemudahan infrastruktur asas dan jumlah sisa terjana oleh jangkakan populasi setara (PE) 43, 274 orang dirumuskan dalam **Jadual C**.

Jadual C: Anggaran Permintaan Utiliti dan Sisa Terjana Semasa Fasa Operasi Projek

Sektor	Anggaran Permintaan/Sisa Harian	Penerangan
Elektrik	Permintaan maksimum elektrik 75,524.92 kVA	<ul style="list-style-type: none">Tiga (3) pencawang elektrik TNB telah diperuntukkan untuk menampung keperluan elektrik cadangan projek.
Air	3,276,633.80 gal/hari	<ul style="list-style-type: none">Sumber bekalan air ialah dari Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).Air yang dirawat hendaklah disimpan di dalam tangki air yang terletak di bahagian utara pembangunan sebelum diagihkan kepada keseluruhan kawasan pembangunan.
Sisa Kumbahan	9,736,650 L/hari	<ul style="list-style-type: none">Kumbahan dari kawasan ini akan dialirkan ke Loji rawatan Kumbahan yang dicadangkan secara aliran graviti. Loji Rawatan Kumbahan yang dicadangkan terletak di barat daya tapak pembangunan.
Sisa Pepejal	43,274 kg/hari	<ul style="list-style-type: none">Pengutipan dan pelupusan sisa pepejal sewaktu fasa operasi adalah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang.

Sumber: *Europasia Engineering Services Sdn. Bhd., 2015*

Berdasarkan jadual pelaksanaan, adalah dianggarkan bahawa cadangan pembangunan akan dilaksanakan dalam jangkamasa kira-kira 9 tahun iaitu dari hujung tahun 2016 (pembersihan tapak) hingga ke pertengahan 2025 (selesai kerja-kerja bangunan). Pembersihan tapak dan kerja tanah bagi Peringkat 1 dijangka akan bermula pada bulan November 2016 dengan jangka masa 12 bulan untuk disiapkan manakala Peringkat 2 dan 3 yang dijangka bermula pada November 2018 dan Julai 2020 di mana kedua-duanya masing-masing dijangka mengambil masa 10 bulan untuk disiapkan. Pembinaan bangunan utama akan dimulakan pada bulan April 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2025. Kerja-kerja infrastruktur utama akan dilaksanakan serentak dengan aktiviti kerja tanah.

IV. Impak-impak Alam Sekitar yang Signifikan

Isu-isu alam sekitar yang utama berhubung dengan aktiviti-aktiviti semasa pelapangan tapak, pembinaan dan fasa operasi. Impak-impak yang utama beserta dengan cadangan langkah-langkah kawalan diringkaskan dalam **Jadual D**.

V. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)

Selain daripada mencadangkan langkah-langkah kawalan, laporan ini juga menekankan formulasi dan pelaksanaan pelan pengurusan alam sekitar (EMP). Pelan ini perlu dianggotai pihak Pemaju, jurutera perunding, kontraktor dan perunding alam sekitar. Rancangan pengurusan dan program pengawasan yang dicadangkan untuk Projek ini di peringkat pembinaan dan operasi adalah seperti berikut:

- Program pengawasan, latihan dan penyelenggaraan berkaitan struktur kawalan pencemaran;
- Pelaksanaan langkah-langkah kawalan di tapak;
- Perancangan kemajuan kerja di tapak;
- Penyediaan langkah keselamatan berserta dengan langkah kecemasan;
- Pelaksanaan rancangan pengurusan trafik yang telah di dokumentasi untuk memastikan keselamatan di tapak;
- Pengawasan kualiti air, udara dan bunyi bising untuk menilai keberkesanan pelaksanaan langkah mitigasi yang telah dicadangkan.
- Penilaian kualiti air, udara dan bunyi bising di kawasan tapak dan analisis makmal dilakukan oleh makmal yang mendapat kelulusan Jabatan Piawaian (Standard) Malaysia.

VI. Kesimpulan

Cadangan pembangunan ini akan dibangunkan di atas **Lot 1913, Ladang Bangi, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan**. Pembangunan yang dicadangkan ini akan dibangunkan oleh Seriemas Development Sdn. Berhad. Projek ini adalah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang .

Dalam menilai integrasi cadangan Projek dengan persekitaran sediaada tapak projek, masalah utama yang dijangka dari segi persekitaran fizikal ialah kesan hakisan tanah dan kontaminasi (pencemaran air, udara dan bunyi) ke atas persekitaran fizikal dan kesan kepada masyarakat sendiri sewaktu fasa kerjatanah dan fasa pembinaan. Sebahagian persekitaran biologi akan hilang sewaktu kerja pelapangan dan aktiviti pembinaan. Walaubagaimanapun, impak-impak yang dihasilkan oleh projek boleh dikurangkan dengan memperkenalkan berbagai langkah-langkah tebatan yang praktik dan kos efektif seperti yang dicadangkan dalam laporan ini. Kejayaan integrasi cadangan pembangunan dengan persekitaran kawasan pembangunan akan menyumbang ke arah penerimaan sosial cadangan projek pembangunan. Dengan memasukkan konsep kesedaran terhadap alam sekitar dalam perancangan, pembangunan lestari boleh dicapai dan manfaat sosial ekonomi daripada Projek dapat mengimbangi impak-impak negatif.